

Cungkil bakat anak Orang Asli

» Kegiatan agama dekati, perkukuh pegangan akidah masyarakat

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

Pertandingan hafazan diadakan di Pusat Khidmat Komuniti Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kampung Limau Manis, dekat sini, bagi mengentengahkan bakat pelajar anak Orang Asli dalam kegiatan keagamaan.

Program anjuran pasukan RELA Jajaran Pinggiran Putra sempena hari terbuka RELA cawangan itu bertujuan mendekati dan memberi bimbingan bagi mengukuhkan pegangan masyarakat Orang Asli terhadap Islam supaya mereka tidak rasa tersisih.

Seramai 20 peserta mewakili beberapa kampung di persekitaran termasuk Kampung Limau Manis, Bukit Unggul, Sungai Dugang dan Sungai Buah menyertai pertandingan itu yang memperdengarkan bacaan surah al-Fatihah dan ayat lazim.

Hadir sama, Ketua Perhubungan RELA Mukim Jajaran Pinggiran Putra, Parman Rose dan

“
Untuk melahirkan generasi bermanfaat dan memiliki nilai sahsiah tinggi, amalan kehidupan Islam yang berteraskan al-Quran perlu diterap pada peringkat kanak-kanak lagi”

Parman Rose,
Ketua Perhubungan
RELA Mukim Jajaran
Pinggiran Putra



Anak Orang Asli mengadakan persembahan nasyid pada hari terbuka di Pusat Khidmat Komuniti RELA Kampung Limau Manis, Putrajaya. B/H 7/1/13 MS2. [FOTO SAMADI AHMAD/BH]

Imam Masjid Kampung Limau Manis, Samsudin Mat Daud.

Nilai penghayatan peserta

Parman berkata, program kali kedua itu bertujuan menilai penghayatan, kefahaman dan kemampuan peserta membudayakan amalan membaca al-Quran dalam kehidupan seharian.

“Melalui pertandingan ini, kita dapat menilai sejauh mana kemampuan anak-anak menghayati dan mengamalkan setiap pendidikan serta pengajaran yang disampaikan guru.

“Program menghafaz al-Quran dalam kalangan generasi muda perlu diperbanyakkan kerana ia

bukan saja mampu melahirkan generasi yang celik al-Quran, malah dapat meningkatkan kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat.

“Untuk melahirkan generasi bermanfaat dan memiliki nilai sahsiah tinggi, amalan kehidupan Islam yang berteraskan al-Quran perlu diterap pada peringkat kanak-kanak lagi,” katanya kepada BH Sentral, baru-baru ini.

Samsuddin berkata, pada pertandingan kali ini, pemilihan ayat daripada surah al-Quran yang dipertandingkan bagi kategori tilawah dan hafazan disesuaikan dengan peringkat umur kanak-kanak.

“Surah al-Fatihah menjadi keutamaan untuk penilaian bagi kedua-dua kategori ini, memabitkan tajwid, lagu, kelancaran dan penampilan peserta.

Benteng masalah sosial

“Sekiranya kegiatan seumpama ini dapat dilaksanakan dengan baik

dan teratur, saya yakin ia mampu menjadi benteng kepada masalah sosial dan jenayah yang berlaku dalam masyarakat masa kini,” katanya yang turut menjadi juri dalam pertandingan itu.

Program yang berlangsung penuh meriah itu dimulakan dengan persembahan nasyid memabitkan pelbagai peringkat umur.

Pemenang masing-masing menerima hadiah wang tunai. Serentak dengan majlis itu, lebih 200 penduduk setempat menyertai program gotong-royong menyediakan masakan untuk majlis kenduri sekampung.